

14 JUL 2001

Mahathir-Ekspedisi

DR MAHATHIR LEPASKAN EKSPEDISI PENERBANGAN MUHIBBAH ASEAN 2001

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan ekspedisi penerbangan muhibbah sempena Sukan SEA Kuala Lumpur 2001 di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini.

Ekspedisi itu yang membabitkan dua pesawat Zodiac, sebuah pesawat Eagle dan dua helikopter akan terbang ke ibu negeri kesemua sembilan negara Asean bagi menghantar kad jemputan untuk mereka menyertai Sukan SEA ke-21 pada September. Semua pesawat adalah buatan Malaysia.

Penerbangan 15 Julai-31 Ogos itu membawa juruterbang, pelatih juruterbang, jurutera, juruteknik, kakitangan perubatan, logistik dan anggota media serta 19 anggota program Rakan Muda.

Semua peserta merupakan sukarelawan.

Dr Mahathir juga melancarkan bahagian pertama penyediaan kain rentang mengenai Sukan SEA, yang akan dijadikan kain rentang terpanjang di dunia sepanjang 15km, di pangkalan TUDM itu.

Dr Mahathir diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah dan beberapa menteri kabinet.

Sepanjang ekspedisi itu, kumpulan duta khas Malaysia itu akan menyerahkan kain rentang yang akan diisi dengan pelbagai perkataan, slogan dan tandatangan oleh setiap negara anggota yang kemudiannya akan dijahit dan disambung bagi membentuk kain rentang sepanjang 15km dalam usaha mengatasi rekod semasa Guinness Book of Records kain rentang sepanjang 10.15km yang dicatat oleh India.

Ekspedisi Penerbangan Muhibbah Asean itu mempunyai lapan objektif:

- \* Bagi menanam semangat kesukarelawan di kalangan rakyat Malaysia;
- \* Bagi mendedahkan rakyat Malaysia kepada aktiviti mencabar;
- \* Bagi mempromosikan pesawat buatan Malaysia;
- \* Bagi kemungkinan mewujudkan laluan bagi cadangan Perlumbaan Udara Asean;
- \* Bagi menjana publisiti untuk kejohanan Sukan SEA ke-21;
- \* Bagi menghantar jemputan ke negara anggota;
- \* Bagi mengetengahkan kawasan pelancongan menarik Malaysia;
- \* Bagi negeri-negeri di Malaysia, yang dilalui oleh ekspedisi, mengambil kesempatan misi ini untuk mempromosikan pelancongan.

Sebelum itu, satu acara sokongan "Karnival Penerbangan Persahabatan" berlangsung di pangkalan itu.

Ia bermula pada kira-kira pukul 9 pagi dan walaupun hujan, rakyat Malaysia keluar beramai-ramai untuk menyaksikan karnival itu serta melihat sendiri pesawat yang mengambil bahagian dalam penerbangan berkenaan.

Acara karnival itu termasuk bola sepak jalan, bola keranjang tiga-atas-tiga, papan luncur, pertunjukan statik oleh pesawat TUDM, pertunjukan kawalan jauh, penerbangan bersiar untuk pengunjung dan pertunjukan pemanduan oleh pemandu Perodua ERA.

-- BERNAMA

SR MAM LAT RON